

Usaha tingkatkan sosioekonomi nelayan tempatan

UB 09.05.2012 A1

KOTA KINABALU: Kespesatan dalam pembangunan dan pemodenan industri perikanan yang didukung oleh nelayan moden dan berskala besar berasaskan bot pukat tunda dan bot pukat jerut, menyebabkan peranan dan sumbangan nelayan artisanal ini mula terpinggir dalam pembangunan industri perikanan dan berhadapan dengan pelbagai dilema dalam meneruskan kelangsungan hidup.

Pengerusi Ko-Nelayan, Datuk Samsudin Yahya, berkata menyedari hakikat itu, pelbagai usaha diambil oleh kerajaan untuk membantu meningkatkan semula taraf sosioekonomi komuniti nelayan artisanal yang dikenal pasti sebagai antara penyumbang utama kepada kadar kemiskinan di negara ini berbanding lain-lain sektor ekonomi.

Untuk tujuan ini, katanya, Ko-Nelayan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah

(UMS) telah menjalankan program bancian ini di seluruh Sabah pada November 2008 dan siap sepenuhnya pada Mac 2012 melalui peruntukan khas kerajaan negeri sejumlah RM578,850.

Acarapenyampaian Laporan Bancian itu disempurnakan oleh Prof Dr Felix Tongkul mewakili Naib Canselor UMS dan diterima oleh Samsudin.

Menurutnya, kajian ini membuktikan usaha murni kerajaan untuk membantu nelayan artisanal di seluruh negeri Sabah.

Ko-Nelayan juga akan meningkat dan memperkasa bantuan yang diperlukan oleh nelayan artisanal seperti Program Pentas, Permits, SBKB, Skim Bantuan Nelayan, Skim Pembangunan Individu, Skim Petempatan Nelayan dan Skim Peusahaan Hiliran yang dicadangkan dalam kajian ini.

"Saya ucapkan tahniah kepada Ko-Nelayan dan UMS kerana berjaya membuat satu



SAMSUDIN menerima laporan itu daripada Felix, sambil disaksikan oleh Mijul dan Masood.

kajian yang komprehensif dan sudah tentu, kajian ini akan digunapakai oleh agensi lain sebagai bahan rujukan," katanya pada majlis penyerahan itu.

Kajian mendapati terdapat seramai 14,260 orang nelayan artisanal di seluruh negeri Sabah.

"Alhamdulillah, pogram bantuan yang diusahakan oleh

Ko-Nelayan secara realitinya berjaya mengurangkan peratusan nelayan miskin tegar di negeri Sabah," katanya.

Pada masa sama, Samsudin mengarahkan pengurusan Ko-Nelayan menilai semula keberkesanan sistem penyampaian yang sedia ada dan seterusnya mengenal pasti program-program

bantuan yang sesuai untuk diimplementasikan yang sesuai dengan perubahan semasa dengan agenda pembangunan negara.

Turut hadir Timbalan Pengerusi Ko-Nelayan, Datuk Abdul Mijul Unaini dan Pengurus Besar Ko-Nelayan, Datuk Masood Hj Salleh serta Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai kanan Ko-Nelayan.